

Kajian Kerja Penyelenggaraan bagi Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia di Kuala Lumpur

Goh Kai Chen^{1,2,*}, Anis Suraya Amaludin¹, Asrul Nasid Masrom^{1,2}, Norliana Sarpin^{1,2} & Gui Hun Chuen³

¹Jabatan Pengurusan Pembinaan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

²Center of Sustainable Infrastructure & Environmental Management (CSIEM), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

³Jabatan Ukur Bahan, Fakulti Alam Bina, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Malaysia

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2023.04.02.031>

Received 30 September 2023; Accepted 01 November 2023; Available online 01 December 2023

***Abstract:** Maintenance work on buildings has become a responsibility for those who have experience in the field by using various facilities and advanced technology. Government buildings such as the high-rise housing of the Malaysian Army Forces Family House need attention because the building was built a long time ago, in the 70s. The population that lives in the area with an average of over 1000 residents. There are three objectives for this study which are to examine the maintenance methods found in the Malaysian Army Forces Family Homes in Kuala Lumpur, identify the problems found in the Malaysian Army Forces Family Homes and determine the appropriate measures to improve maintenance in the Malaysian Army Forces Family Homes Malaysia. This study focuses on the old building of the Malaysian Army Forces Family House located in Kuala Lumpur. The interview method is used to be done in the study area. There were 5 respondents in this study, which consisted of the housing unit management of the Malaysian Army Forces Family House and residents of the RKAT residence. Nevertheless, some suggestions are also presented in improving maintenance. The findings of the study obtained are such as effective maintenance acceleration from the authorities and the use of quality goods being one of the factors in the maintenance carried out so that durability can be maintained.*

Keywords: *Malaysian Army Forces Family House, Maintenance, Problems, Overcoming measures*

Abstract: Kerja-kerja penyelenggaraan pada bangunan telah menjadi satu tanggungjawab bagi pihak yang mempunyai pengalaman dalam bidang tersebut dengan menggunakan pelbagai kemudahan dan teknologi canggih. Bangunan kerajaan seperti perumahan bertingkat Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia perlu diberi perhatian kerana bangunannya telah lama dibina iaitu pada tahun 70an. Penduduk yang mendiami di kawasan itu dengan rata-rata lebih 1000 penduduk. Terdapat tiga objektif bagi kajian ini iaitu mengkaji kaedah penyelenggaraan yang terdapat di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia di Kuala Lumpur, mengenalpasti masalah-masalah yang terdapat di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia dan menentukan langkah-langkah yang sesuai dalam meningkatkan penyelenggaraan di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia. Kajian ini berfokuskan kepada bangunan lama Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia yang terletak di Kuala Lumpur. Kaedah temubual digunakan untuk dilakukan di kawasan kajian. Terdapat 5 responden dalam kajian ini iaitu terdiri daripada pengurusan unit perumahan Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia dan penghuni kediaman RKAT. Namun begitu, beberapa cadangan juga dikemukakan dalam meningkatkan penyelenggaraan. Dapatan kajian yang diperolehi adalah seperti Pamantasan penyelenggaraan yang efektif daripada pihak berkuasa dan penggunaan barangan yang berkualiti menjadi salah satu faktor dalam penyelenggaraan yang dilakukan agar ketahanan dapat dikekalkan.

Kata Kunci: Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia, Penyelenggaraan, Masalah, Langkah mengatasi

1. Pengenalan

Anggota tentera adalah badan beruniform yang berkhidmat dengan kerajaan untuk menjaga keamanan negara. Selepas penubuhan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada tahun 1933, kediaman dan tempat bekerja tentera yang dipanggil sebagai kem tentera dan kemudahan fasiliti adalah dibawah pengurusan Jabatan Kerja Raya (JKR). Semenjak pasca merdeka, Pembentukan dasar dan angkatan tentera untuk melindungi keselamatan dan kedaulatan negara telah dibangunkan dan dibentuk oleh Malaysia (Mohamed, Batau & Hashi, 2021).

Di arus pemodenan, pembangunan kemudahan fasiliti dan pelbagai infrastruktur telah berkembang di samping mengejar kemajuan kepesatan pembinaan bangunan serta ekonomi yang seiring dengan negara-negara maju seperti Jepun, China, Eropah dan sebagainya. Namun begitu, kediaman penjawat awam seperti Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia (RKAT) merupakan sebahagian yang besar aset pemilikan Kerajaan.

Pada awal negara dibangunkan, kerajaan turut menubuhkan dan menyediakan kemudahan kepada penjawat awam yang kurang berkemampuan untuk memiliki tempat perlindungan dimana kemudahan tersebut seperti tempat perlindungan yang merupakan kuarters (Borham, 2013). Tempat perlindungan atau kediaman amat mempengaruhi pertambahan juga kualiti dalam kehidupan penduduk (Besar, 2018). Penyelenggaraan terhadap struktur bangunan mempunyai kepentingan dalam mengekalkan komponen bangunan digunakan dan bertahan lama. Penyelenggaraan yang baik terhadap kemudahan dapat menjamin jangka hayat yang lama dan keadaan bangunan adalah lebih baik serta selamat untuk digunakan manakala ianya juga dapat memberi keselesaan dan persekitaran yang sihat serta menjimatkan kos (Putrajaya & Shafie, 2010). Articles written in Bahasa Malaysia must have dual-

language abstracts and keywords. The English version is the first to be presented, followed by the Bahasa Malaysia version.

Kajian ini dijalankan bagi melihat masalah yang berkaitan dengan tempat kediaman bertingkat iaitu Rumah Keluarga Angkatan tentera Malaysia di Kuala Lumpur. Anggota tentera yang bertugas, ditempatkan di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia sebagai tempat kediaman mereka. Namun begitu, terdapat beberapa masalah yang timbul di kediaman tersebut.

Antara isu permasalahan yang terdapat di perumahan anggota tentera adalah pengurusan penyelenggaraan yang kurang cekap. Pengurusan Penyelenggaraan terhadap Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia atau disingkatkan sebagai RKAT didapati kurang cekap dan tidak selamat untuk dijadikan sebagai tempat kediaman (Berita Harian, 2019). Hal ini turut melibatkan nyawa penghuni kerana rumah yang diduduki rosak dan tidak selesa untuk diduduki serta tidak diselenggara oleh pihak tertentu. Oleh hal yang demikian, ciri-ciri perumahan yang baik dapat dilihat dengan ciri fizikal setiap kediaman yang diduduki dan ianya berhubung dengan tahap kepuasan daripada penghuninya (Sani & Ghani, 2021). Menurut laporan Ketua Audit Negara, pengurusan penyelenggaraan RKAT adalah kurang memberansangkan ekoran kelemahan dari segi pengurusan kewangan untuk peruntukan yang diberikan dan amalan pecah kecil perolehan (Berita Harian, 2019). Oleh hal yang demikian, kajian dalam pengurusan penyelenggaraan rumah bertingkat akan menjadi bahan penyelidikan di Kuala Lumpur.

Kajian ini ditumpukan di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia dimana ianya dibina pada tahun 70-an. Rumah Keluarga angkatan Tentera Malaysia ini terletak di Kuala Lumpur. Di samping itu, kajian ini dijalankan dengan merangkumi skop pengurusan penyelenggaraan di kawasan kediaman ATM dan diselidik dengan teliti untuk mengetahui kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh pihak yang terlibat. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif juga merupakan kaedah temubual untuk mendapatkan data daripada responden. Manakala, responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan angkatan tentera yang terdiri daripada 4 penghuni dan seorang pihak pengurusan unit Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia.

2. Kajian Literatur

Perumahan bertingkat dapat dibezakan dengan perumahan atas tanah dengan kata nama lain (landed property) dimana unit pada perumahannya adalah dibina di dalam satu satu lot tanah yang sama (Zaki & Manaf, 2021). Perumahan yang bertingkat-tingkat atau berstrata kebiasaannya dapat dilihat dan dibina di kawasan bandar. Penyelenggaraan di rumah bertingkat akan diuruskan oleh kerajaan pada setiap struktur bangunan. Selain penyelenggaraan pada struktur bangunan, rumah bertingkat RKAT juga diselenggara pada kemudahan asasnya seperti elektrik, bekalan air bersih dan pengaliran sistem kumbahan yang sempurna. Menurut mantan Kementerian Pertahanan pada tahun 2021, sebanyak 35,000 unit rumah yang diperlukan anggota. Selain itu, pemaju baharu yang dilantik akan meneruskan menyelesaikan perumahan anggota tentera.

Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan bahawa tentera adalah pasukan yang terdiri daripada askar dan mereka dilatih dan ditugaskan untuk berperang demi menjaga keselamatan negara. Titipan sebagai seorang anggota tentera, mereka tidak lari daripada cabaran dan memikul tanggungjawab yang diamanahkan dalam melaksanakan amanah yang dipikul demi ketenteraan negara (Kadir, Redzuan & Zainol, 2021). Di samping itu, Malaysia telah mencipta dasar dan anggota tentera yang berfungsi untuk melindungi keselamatan dan kedaulatan negara dan pemodenan angkatan tentera Malaysia

mbolehkan negara mengekalkan kedaulatannya apabila Malaysia telah mencapai kemerdekaan (Mohamed, Batau & Hashim, 2021).

Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia (RKAT) dibangunkan untuk menyediakan kediaman dan menjaga kebajikan kepada penjawat awam iaitu anggota tentera. Hal ini demikian kerana memudahkan penjawat awam untuk menduduki kediaman yang disediakan oleh kerajaan dan berdekatan dengan tempat bekerja. Kebanyakannya pusat-pusat pentadbiran sering ditempatkan di kawasan bandar di mana ianya tempat yang menjadi tumpuan orang ramai. Menurut Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Zamrose Mohd Zain, projek perumahan untuk anggota tentera terus dijalankan dan menjadi keutamaan terutama sekali di kawasan rata-rata rumah keluarga masih lagi kurang dan kos rumah sewa yang tinggi menjadi isu kepada mereka dan masyarakat sekeliling (Utusan Malaysia, 2022).

Terdapat isu-isu yang timbul yang terdapat pada bangunan RKAT serta penghuni mengalami ketidakpuasan. Bangunan yang telah lama diwujudkan sering memberi gambaran bahawa bangunannya telah terbiar dan kelihatan usang. Bangunan-bangunan yang mempunyai jangka hayat yang lama telah menyebabkan sebahagian daripada struktur bangunan telah mengalami kerosakan apabila ditelan arus pemodenan (Hanapi & Tungang, 2021). Bangunan yang usang adalah disebabkan penjagaan bangunan yang tidak sistematik dan berpendapat bahawa ianya asal boleh untuk diduduki.

Selain itu, kecacatan pada bangunan RKAT sering menjadi masalah di kediaman tersebut. Salah satu masalah ialah kebocoran pada siling kediaman mereka. Hal ini menyebabkan air sentiasa menitis dan menjadi lembap terutama sekali di ruang tandas. Seharusnya penghuni menjadi kerisauan tentang itu kerana bimbang terhadap struktur bangunan menjadi lebih teruk. Namun, laporan daripada penghuni juga menyatakan bahawa penyelenggaraan di RKAT tersebut adalah kurang memuaskan malah penyelenggaraan pada kediaman tersebut tidak dilaksanakan dengan teratur dan tidak berjadual. Kerja-kerja penyelenggaraan dapat meningkatkan keupayaan pada struktur bangunan apabila pemeliharaan bangunan dikawal serta dapat memanjangkan jangka hayat bangunan (Salim & Omar, 2021).

The literature review section describes all relevant literature related to the research and critically discussed. This section can be structured based on the stated objectives and focus of the study or any logical order as deemed appropriate.

2.1 Masalah Penyelenggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia (RKAT)

Terdapat isu-isu yang timbul yang terdapat pada bangunan RKAT serta penghuni mengalami ketidakpuasan. Bangunan yang telah lama diwujudkan sering memberi gambaran bahawa bangunannya telah terbiar dan kelihatan usang. Bangunan-bangunan yang mempunyai jangka hayat yang lama telah menyebabkan sebahagian daripada struktur bangunan telah mengalami kerosakan apabila ditelan arus pemodenan (Hanapi & Tungang, 2021). Bangunan yang usang adalah disebabkan penjagaan bangunan yang tidak sistematik dan berpendapat bahawa ianya asal boleh untuk diduduki.

Selain itu, kecacatan pada bangunan RKAT sering menjadi masalah di kediaman tersebut. Salah satu masalah ialah kebocoran pada siling kediaman mereka. Hal ini menyebabkan air sentiasa menitis dan menjadi lembap terutama sekali di ruang tandas. Seharusnya penghuni menjadi kerisauan tentang itu kerana bimbang terhadap struktur bangunan menjadi lebih teruk. Namun, laporan daripada penghuni juga menyatakan bahawa penyelenggaraan di RKAT tersebut adalah kurang memuaskan malah penyelenggaraan pada kediaman tersebut tidak dilaksanakan dengan teratur dan tidak berjadual. Kerja-kerja penyelenggaraan dapat meningkatkan keupayaan pada struktur bangunan apabila pemeliharaan bangunan dikawal serta dapat memanjangkan jangka hayat bangunan (Salim & Omar, 2021).

Penyelenggaraan merupakan pelaksanaan kerja dalam meminimalkan tahap kerosakan terhadap sesuatu di dalam sesebuah bangunan (Zolkepli & Latiffi, 2021). Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah

secara teratur dan diikuti dengan proses penyelenggaraan untuk membaikpulih dan selenggara bangunan yang menghadapi kerosakan.

Kerja-kerja penyelenggaraan menjadi signifikan untuk memastikan bangunan dapat diguna tanpa sebarang masalah dan selamat untuk digunakan oleh penghuni (Salim & Omar, 2021). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, penyelenggaraan didefinisikan dengan perbuatan yang mengelola atau pelaksanaan sesuatu yang terdapat pada sesuatu bangunan. Manakala, British Standard 3811 atau BS 3811 mendefinisikan kerja-kerja penyelenggaraan adalah strategi teknikal dan pentadbiran yang bertindak dengan tujuan memelihara dan membaikpulih terhadap sesebuah bangunan dengan mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan.

Bangunan berstrata yang telah lama dibina sememangnya mempunyai masalah pada struktur atau komponen bangunan kerana bilangan penduduk yang ramai dimana ianya digunakan untuk melangsungkan kehidupan. Namun begitu, masalah-masalah yang terdapat pada bangunan yang mempunyai penduduk yang ramai turut menyumbang kepada masalah penyelenggaraan sama ada ketika mahupun selepas penyelenggaraan dilakukan. Malahan masalah penyelenggaraan yang dapat dilihat pada masa sekarang, kos penyelenggaraan yang tinggi turut membantutkan penyelenggaraan di sesuatu kediaman. Kerja-kerja yang berkaitan dengan bangunan melibatkan kos penyelenggaraan yang agak tinggi pada masa sekarang (Yusof, Tawil, Hamzah, Abdullah, Musa & Bina, 2011).

2.2 Langkah-Langkah Penyelenggaraan

Masalah-masalah yang dialami di RKAT dapat diatasi dengan mengambil langkah-langkah dalam meningkatkan penyelenggaraan walaupun perumahan bertingkat tersebut adalah bangunan yang kian lama telah dibangunkan. Langkah-langkah dalam penyelenggaraan yang cekap dapat mengekalkan struktur bangunan seperti bangunan yang baru dibangunkan.

Antara langkah-langkah dalam meningkatkan penyelenggaraan adalah melakukan pemeriksaan dan penyelenggaraan keadaan bangunan. Hal ini kerana bangunan akan memberikan tindak balas terhadap perubahan struktur bangunan kerana menanggung beban. Penyelenggaraan bangunan memberikan matlamat utama dalam mengubah kerosakan dan kecacatan terhadap komponen dan alat bangunan secara teratur (Samuni, Kanyo & Mapjabil, 2021). Oleh itu, penyelenggaraan yang kerap dilakukan adalah penting terhadap bangunan terutama sekali bangunan lama seperti RKAT amat dititikberatkan kerana terdapat banyak kecacatan pada bangunan malah ianya juga dapat mengurangkan kekerapan dalam pengeluaran kos.

Seterusnya, langkah-langkah dalam meningkatkan penyelenggaraan adalah kerja-kerja penyelenggaraan bangunan hendaklah dinaiktaraf dengan mengecat semula kemas luar bangunan. Hal ini kerana bangunan yang telah lama diwujudkan akan membuatkan bangunan yang berstrata tersebut kelihatan usang dan kurang ceria kerana warna cat bangunan yang lentur. Cat pada bangunan akan mudah tertanggal dan lentur (Kaamin, Aziz, Bukari, Alia, Samion, Abd Kadir & Ngadiman, 2016). Dengan melakukan cat semula kemas luar bangunan akan meningkatkan bangunan walaupun sudah lama dibina dan wujud masih tersergam indah.

Selain itu, langkah-langkah dalam meningkatkan penyelenggaraan di RKAT adalah mempercepatkan proses perkhidmatan aduan kerosakan bangunan untuk diselenggara. Hal ini kerana, pihak pengurusan unit kediaman RKAT perlulah meningkatkan lagi kecekapan dalam penerimaan aduan kerosakan daripada penghuni. Perkara ini juga melibatkan nyawa dan keselamatan penghuni yang terdiri daripada keluarga anggota tentera.

3. Metodologi Kajian

Proses kajian yang dijalankan turut merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Pada fasa yang pertama, kajian ini akan menumpukan kajian yang hendak dijalankan dengan melakukan penyelidikan berdasarkan tajuk kajian yang dipilih serta permasalahan utama kajian.

Pada fasa yang kedua akan menghuraikan tentang kajian literatur dan tajuk bagi kajian adalah kerja penyelenggaraan bagi Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia di Kuala Lumpur. Informasi-informasi yang digunakan akan mengukuhkan lagi dan menerangkan dengan lebih lanjut dalam tajuk kajian melalui kajian literatur. Jurnal yang terdahulu, artikel, tesis dan buku juga digunakan untuk mengeksplorasi maklumat untuk menyokong kenyataan yang dihuraikan di dalam penulisan kajian ini untuk mencapai objektif kajian.

Pada fasa yang ketiga merupakan fasa yang melibatkan penyelidik mendapatkan pengumpulan data. Terdapat dua jenis pengumpulan data seperti data primer dan data sekunder. Bagi pengumpulan data primer, kajian kualitatif akan dilaksanakan dalam kajian ini. Pengkaji akan melakukan pemerhatian pada lokasi kajian dan menemu bual responden. Selain itu, bagi pengumpulan data sekunder, penyelidik akan memperoleh data melalui sumber-sumber yang sah dan benar seperti jurnal, artikel, tesis terdahulu dan buku untuk mendapatkan data yang berhubung dengan kajian.

Pada fasa yang keempat, penyelidik akan menghuraikan dan menjelaskan analisis data yang diperoleh daripada pemerhatian dan temu bual dengan pihak responden. Data-data yang diperoleh daripada pemerhatian dan temu bual akan dianalisis dan dihuraikan. Pada fasa yang terakhir dalam kajian ini, penyelidik akan merumuskan kesemua penulisan yang terkandung dalam kajian ini dan memberi serta memperkuat lagi kajian dengan cadangan sebagai penjelasan yang terakhir. Kesemua keputusan daripada penganalisan data turut diringkaskan dan dirumuskan bersama cadangan agar dapat digunakan dengan penghasilan kajian yang akan datang..

3.1 Kaedah Kualitatif

Dalam kajian ini ianya menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes dengan lebih mendalam melalui temu bual. Kaedah kualitatif yang digunakan membolehkan penyelidik untuk mendapat informasi dan mengeksplorasi terhadap pengurusan penyelenggaraan. Kaedah kualitatif mempunyai perbezaan dengan penyelidikan kuantitatif dimana kualitatif membentuk data yang tersendiri malahan data yang dikumpul melalui kaedah kualitatif diperoleh daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen (Jasmi, 2012). Penyelidik memperoleh data primer dengan kaedah kajian kes dimana ianya melakukan pengumpulan data secara temu bual bersama pihak responden dan dilakukan secara bersemuka.

3.2 Pengumpulan Data

Pengumpulan data menjadi kepentingan dan sumber untuk mendapatkan data yang utama dalam penganalisan data. Data yang terkumpul boleh didapati dengan pelbagai kaedah namun terdapat dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer merujuk kepada dapatan data yang diperoleh daripada sumber yang sah malah tepat dimana ianya disatukan untuk menjawab persoalan kajian (Taha & Redzuan, 2021). Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data.

Data sekunder merujuk kepada data yang telah dikumpulkan daripada kajian terdahulu dan pengkaji lain (Marican, 2005). Data-data dari kajian terdahulu dikumpulkan dengan tujuan menjawab persoalan kajian dan menyaingi dengan kajian yang relevan. Data yang diperoleh melalui kajian literatur merupakan bahan atau sumber yang dikaji daripada jurnal, tesis, artikel dan buku malahan ianya turut dijadikan sebagai data sekunder.

3.3 Responden Kajian

Responden yang terlibat ialah pihak pengurusan RKAT dan pihak penghuni kediaman tersebut. Pihak pengurusan RKAT telah ditujukan soalan yang mencapai objektif pertama iaitu mengkaji penyelenggaraan yang dilakukan di kawasan Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia di Kuala Lumpur. Manakala, penghuni kediaman RKAT merupakan responden yang menjawab persoalan dalam mencapai objektif kedua dan objektif ketiga iaitu mengenal pasti masalah-masalah dalam penyelenggaraan yang terdapat di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia di Kuala Lumpur serta menentukan langkah-langkah yang sesuai dalam meningkatkan penyelenggaraan di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia.

4. Analisis Kajian dan Perbincangan

Penyelidik akan membincangkan tentang dapatan kajian dan penghasilan analisis untuk mencapai objektif kajian iaitu objektif yang pertama, penyelenggaraan yang dilakukan di kawasan Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia Di Kuala Lumpur, manakala objektif yang kedua ialah masalah-masalah yang terdapat di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia di Kuala Lumpur dan objektif yang terakhir ialah langkah-langkah yang sesuai dalam meningkatkan penyelenggaraan di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia. Penyelidik telah mengikut kesesuaian untuk membentuk maklumat yang berkualiti. Maklumat yang dibentuk tidak memerlukan penggunaan aplikasi dan penyelidik akan menganalisis maklumat dengan lebih teliti. The results and discussion section presents data and analysis of the study.

4.1 Latar Belakang Responden

Latar belakang responden merupakan salah satu bahagian yang penting untuk memastikan jawapan yang diberikan daripada sesi temu bual adalah sesuai dan menjawab soalan yang diberikan adalah berdasarkan pengalaman tentera yang menduduki di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia dan pengalaman dari pihak pengurusan cawangan perumahan tentera. Di dalam jadual 1 menunjukkan latar belakang responden yang terlibat dengan kajian itu.

Jadual 1: Latar belakang responden

Bilangan Responden	Jawatan	Tempoh Berkhidmat	Bahagian
Responden 1	Major	23 tahun	B
Responden 2	Koperal	18 tahun	C & D
Responden 3	Koperal	15 tahun	C & D
Responden 4	Koperal	16 tahun	C & D
Responden 5	Koperal	14 tahun	C & D

Berdasarkan data yang telah dijadualkan, responden yang terlibat dalam sesi temu bual ini adalah merupakan wakil daripada pegawai dan juga tentera yang mendiami di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia. Bagi Responden 1 ianya merupakan seorang pegawai tentera yang bertugas di cawangan perumahan tentera dan mempunyai pengalaman dalam menjaga hal-hal atau kebajikan

perumahan tentera. Tempoh perkhidmatannya ialah selama 23 tahun. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam jabatan cawangan perumahan tentera jika berlakunya aduan dan kerosakan. Beliau telah ditentukan untuk menjawab soalan bahagian B sahaja dimana ianya adalah soalan yang berkenaan penyelenggaraan di situ dan lebih mengetahui tentang maklumat itu.

Bagi responden 2, 3, 4 dan 5 memegang jawatan sebagai koperal. Keempat-empat responden menjawab persoalan dibahagian C dan D. Responden merupakan penghuni yang menduduki di kediaman Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia. Responden 2 telah berkhidmat selama 18 tahun. Responden 3 pula telah berkhidmat selama 15 tahun dan responden 4 telah menjalankan tugas dan berkhidmat selama 16 tahun serta tempoh perkhidmatan bagi responden 5 pula selama 14 tahun.

(a) Penyelenggaraan Yang Dilakukan di Kawasan Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia di Kuala Lumpur.

Soalan dalam bahagian ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif kajian yang pertama iaitu mengkaji penyelenggaraan yang dilakukan di kawasan Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia di Kuala Lumpur dan mengetahui penyelenggaraan yang dilakukan di kawasan kediaman tentera. Soalan yang berkaitan diajukan kepada pihak pengurusan yang mengawasi dan menjaga hal-hal perumahan tentera. Ianya juga berfokus kepada prosedur sesuatu aduan untuk memperbetulkan dan memulihkan kerosakan serta seberapa kerap mana penyelenggaraan yang dijalankan.

Responden 1 telah menerangkan jawapan dengan soalan yang berkaitan penyelenggaraan yang dilakukan di RKAT. Beliau menerangkan tentang penyelenggaraan yang dilakukan di RKAT, sebagai contoh kumbahan kerosakan, jana kuasa dan kerosakan kecemasan. Kerosakan kecemasan ialah seperti pereputan pada bahagian bumbung atau siling, pintu. Selain itu, kerja-kerja civil juga dilakukan untuk penyelenggaraan seperti pengecatan bangunan, membetulkan struktur bangunan, membetulkan jalanan berturap dan sebagainya.

“Tidak pernah melakukan penyelenggaraan di kediaman sendiri kerana saya telah duduk di luar kawasan RKAT tetapi penyelenggaraan yang dilakukan di RKAT semestinya ada seperti kerosakan kumbahan, jana kuasa juga kerosakan kecemasan. Kerosakan kecemasan itu seperti pereputan pada bahagian bumbung atau siling, pintu dan juga kerja-kerja civil seperti pengecatan bangunan, membetulkan struktur bangunan, membetulkan jalanan berturap dan sebagainya. Dan baru-baru ini juga penyelenggaraan berkaitan sistem air atau perpaipan dijalankan.” (Responden 1)

Responden 1 merupakan seorang pihak pengurusan yang bertugas mengenai kebajikan RKAT turut menerangkan bagaimana proses aduan yang dilakukan oleh penghuni RKAT sekiranya berlakunya kegagalan atau kerosakan pada bangunan mahupun hal persekitaran seperti utiliti. Proses aduan yang dilakukan adalah dengan menghantar surat aduan kerosakan kediaman. aduan berkenaan akan melalui 5 proses dan memakan masa berbulan juga. 5 proses tersebut adalah yang pertama daripada unit tentera atau pasukan akan menyemak berapa banyak kerosakan dan ianya kecemasan ataupun tidak. Proses aduan seterusnya akan dihantar ke cawangan briged tentera dimana ianya akan menyemak aduan tersebut, seterusnya penyemakan aduan akan dihantar kepada cawangan logistik 3 divisyen. Proses seterusnya, aduan tersebut akan melalui cawangan logistik tentera darat dan proses yang terakhir adalah aduan akan dihantar ke mindef tentera untuk mendapatkan kelulusan baikpulih bangunan dan mendapat kelulusan seberapa banyak peruntukan yang boleh diterima. Kemudian, kesemuanya akan dilakukan penyelenggaraannya di bawah JKR ataupun BBKP itu ialah Bahagian Pembangunan Kejuruteraan Pertahanan.

“ Proses aduan yang dilakukan oleh penghuni adalah dengan menghantar surat aduan kerosakan kediaman mereka. Selepas itu, aduan ini akan melalui 5 proses dari satu proses ke proses yang seterusnya dan proses ini akan memakan masa berbulan juga. 5 proses tersebut adalah yang pertama

daripada unit tentera atau pasukan akan menyemak berapa banyak kerosakan dan ianya kecemasan ataupun tidak. Selepas itu, proses aduan seterusnya akan dihantar ke cawangan briged tentera mereka juga akan menyemak aduan tersebut, seterusnya penyemakan aduan akan dihantar kepada cawangan logistik 3 divisyen, seterusnya ke cawangan logistik tentera darat dan proses yang terakhir adalah aduan akan dihantar ke mindef tentera untuk mendapatkan kelulusan baikpulih bangunan dan daripada situ akan mendapat juga kelulusan seberapa banyak peruntukan yang boleh diterima. Lepas sahaja daripada itu barulah kesemuanya akan dilakukan penyelenggaraannya di bawah JKR ataupun BBKP itu ialah Bahagian Pembangunan Kejuruteraan Pertahanan.” (Responden 1)

Beliau juga turut memberikan jawapan tentang seberapa kerap penyelenggaraan dilakukan serta kos penyelenggaraan yang dilakukan di kawasan tersebut. Analisis data yang diperolehi dalam kajian mendapati bahawa penyelenggaraan dilakukan adalah secara berkala. Kos penyelenggaraan yang diperolehi dalam hasil dapatan dengan anggaran sebanyak RM657,736.00. Penyelenggaraan yang dilakukan terbahagi kepada 2 iaitu penyelenggaraan awam dan elektrik. Penyelenggaraan awam dengan anggaran RM421,920.00 dan penyelenggaraan awam pula dengan anggaran sebanyak RM235,816.00 pada tahun 2019.

“Penyelenggaraan yang asas dilakukan secara berkala contohnya kumbahan dan jana kuasa elektrik. Utiliti air juga akan dilakukan penyelenggaraan dalam kawasan itu. Kos peruntukan pula dapat dikeluarkan dengan anggaran sebanyak RM657,736.00. Ianya dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu penyelenggaraan awam dan elektrik. Penyelenggaraan awam dengan anggaran RM421,920.00 dan penyelenggaraan awam pula dengan anggaran sebanyak RM235,816.00 pada tahun 2019.” (Responden 1).

(b) Masalah-Masalah Yang Terdapat di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia

Soalan dalam bahagian ini adalah untuk mencapai objektif yang kedua iaitu mengenal pasti masalah-masalah terdapat di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia. Soalan yang berkaitan seperti masalah-masalah yang terdapat di kediaman RKAT, laporan yang dilakukan oleh penghuni adalah segera mahupun tidak jika sesuatu kerosakan melakukan penyelenggaraan, masalah-masalah ketika penyelenggaraan mahupun selepas penyelenggaraan di kawasan perumahan dan kerja penyelenggaraan yang dilakukan dapat bertahan dengan jangka masa yang lama mahupun tidak.

(c) Masalah-Masalah Yang Terdapat di Kediaman RKAT

Ketika kerja penyelenggaraan dilakukan sememangnya mempunyai masalah ketika dijalankan dan memberi impak kepada penghuni. Penyelidik memperolehi jawapan daripada responden- responden yang terlibat dengan soalan tentang masalah-masalah yang dialami di kediaman penghuni serta masalah-masalah yang berlaku pada kediaman penghuni ketika penyelenggaraan dijalankan.

Jawapan daripada keempat-empat responden, mereka mempunyai masalah tersendiri yang dirasai di kediaman mereka. Tidak dinafikan kerana kediaman mereka adalah kediaman yang telah lama dibina. Kebanyakannya di antara mereka mempunyai masalah yang sama. Keempat-empat responden menerangkan jawapan yang sama dimana masalah-masalah yang terdapat di kediaman mereka ialah masalah utiliti elektrik dan air. Hal ini seperti masalah utama bagi mereka.

“Masalah bekalan elektrik yang terputus kadang-kadang hanya secara tiba-tiba dan masalah air juga.” (Responden 3)

Masalah-masalah lain yang terdapat di kediaman penghuni RKAT pula ialah kerosakan pada bingkai pintu. Bingkai pintu yang telah rosak menyebabkan kesukaran untuk membuka dan menutup pintu seperti biasa.

“Rumah yang saya alami mempunyai beberapa masalah seperti kerosakan pada bingkai pintu.”

(Responden 2)

“Masalah yang ada pada kediaman saya tetapi hanyalah keretakan pada lantai.” (Responden 3)

Masalah-masalah lain yang berlaku pada kediaman RKAT juga dapat disatukan kategori yang melibatkan kebocoran air dan saluran yang tersumbat. Antaranya masalahnya ialah dinding tandas jerap air atau berperoi sehinggakan air sentiasa mengalir dan cat mengelupas, bumbung rumah berlubang yang menyebabkan kebocoran apabila hujan, air daripada tandas keluar ke ruangan lain kerana tiada penghadang dan perparitan yang tersumbat berdekatan dengan rumah.

“Rumah yang saya alami mempunyai beberapa masalah seperti kerosakan pada bingkai pintu, dinding tandas jerap air dan berperoi sehinggakan air sentiasa mengalir dan cat mengelupas.” (Responden 2)

“Tempat yang saya duduki agak mencabar. Saya dapat kongsi masalah rumah saya duduki ini seperti bumbung rumah berlubang hingga menyebabkan kebocoran apabila waktu hujan, perparitan yang tersumbat berdekatan dengan rumah kerana sampah dan rumput penuh di dalamnya, air daripada tandas keluar ke ruangan lain kerana tiada penghadang.” (Responden 5)

Selain daripada masalah-masalah yang telah diberikan oleh penghuni pada sebelum ini, masalah jalan dan laluan yang berturap tidak sempurna dan berlubang juga turut diulas oleh penghuni. Pernyataan berikut merupakan penerangan daripada penghuni RKAT.

“Saya tambahkan lagi masalah yang berdekatan dengan rumah saya, masalah jalan dan laluan yang berturap tidak sempurna, banyak lubang. Ia boleh membahayakan laluan yang menaiki motor dan kereta.” (Responden 5)

(d) Penghuni Melaporkan Dengan Segera Sesuatu Masalah Yang Berlaku Dimana Ianya Memerlukan Penyelenggaraan

Penerangan daripada keempat-empat responden, bahawa laporan pada kerosakan kediaman mereka perlulah disegerakan agar tidak berlarutan. Laporan aduan pada kerosakan rumah adalah penting untuk keselamatan diri dan keluarga dan supaya penghuni tidak rasa terancam dengan keadaan kerosakan.

“Semestinya laporan perlu diadu dengan segera untuk keselamatan diri dan keluarga.”

(Responden 2)

Selain itu, laporan aduan dengan segera dapat membantu struktur bangunan adalah lebih kukuh dan tidak menjejaskan penghuni walaupun bangunan pada rumah itu telah lama dibina. Pernyataan berikut merupakan penerangan daripada penghuni RKAT.

“Ya, laporkan segera untuk membantu struktur bangunan lebih kukuh dan tidak menjejaskan penghuni walaupun ini bangunan lama.” (Responden 3)

Laporan aduan dengan segera juga adalah sangat penting demi keselesaan penghuni dan pihak yang bertanggungjawab dapat mengetahui kerosakan di kawasan sekitar itu. Pernyataan berikut merupakan penerangan daripada penghuni RKAT.

“Laporan tentang masalah yang telah berlaku perlu dibuat dengan segera sebab ia sangat penting demi keselesaan penghuni dan pihak yang bertanggungjawab dapat mengetahui kerosakan di kawasan sekitar itu.” (Responden 5)

(e) Masalah-Masalah Yang Diketahui Ketika Penyelenggaraan Mahupun Selepas Penyelenggaraan Di Kawasan Perumahan

Keempat-empat responden diantara mereka saling memberi penerangan tentang masalah- masalah ketika penyelenggaraan mahupun selepas penyelenggaraan dilakukan. Antara masalah- masalah ketika penyelenggaraan dilakukan dapat disatukan dalam kategori yang sama seperti bekalan air dan elektrik terganggu.

“ Di sini dapat mengatakan sama ada bekalan air atau elektrik akan terputus jika sesuatu penyelenggaraan sedang dilakukan dan projek tersebut mengganggu sedikit rutin harian penghuni.” (Responden 5)

Namun begitu, masalah yang berlaku ketika penyelenggaraan juga diperolehi daripada responden yang merasai sendiri walaupun ianya tidak begitu serius iaitu merasa sedikit gegaran dan kurang memberikan keselesaan kepada penghuni. Masalah yang berlaku adalah kerana laluan lori adalah berdekatan dengan kediaman.

“ Ketika penyelenggaraan dapat merasakan gegaran yang sedikit dirasai dan kurang selesa seperti lori yang memunggah barang lalu di kawasan rumah. Bunyi bising juga didengari walaupun ia tidak lari lagi dengan keadaan penyelenggaraan yang dijalankan.” (Responden 4)

Seterusnya, penyelidik juga memperoleh hasil dapatan selepas penyelenggaraan dilakukan. Apabila selepas projek dilakukan, laluan kediaman menjadi kotor kerana laluan lori yang mengangkut barangan seperti tanah dan selepas penyelenggaraan dilakukan, didapati bahawa kemasan pada pintu yang diperbuat daripada kayu mudah reput dan bil elektrik yang tidak menentu walaupun kurang digunakan.

“ Selepas penyelenggaraan dilakukan, pembersihan selepas projek kurang dititikberatkan, diatas jalan kotor dan penuh tanah dapat dilihat dan saya mengalami bingkai pada pintu rumah mudah reput mungkin ianya diperbuat daripada kayu biasa.” (Responden 2)

“ Saya pernah mengalami bil elektrik yang tidak menentu walaupun kurang digunakan. Pendek kata bayaran pada bil elektrik adalah tidak sesuai dengan kegunaan elektrik yang kurang digunakan.” (Responden 3)

(f) Kerja Penyelenggaraan Yang Dilakukan Adalah Berkesan Dalam Jangka Masa Yang Singkat Atau Lama

Penyelidik dapat mengetahui bagaimana kerja penyelenggaraan yang dilakukan akan memberi fungsi yang berkesan dan ianya bertahan dalam jangka masa yang singkat atau lama. Kebanyakan responden mengatakan bahawa kerja penyelenggaraan yang dilakukan, bertahan dalam masa yang lama. Ada yang mengatakan bahawa ketahanan itu mampu bertahan sekurang-kurangnya 3 hingga 4 tahun.

“Ya, kerja penyelenggaraan yang dilakukan dan diuruskan oleh pihak yang terlibat bertahan dalam jangka masa yang lama kira-kira 3 ke 4 tahun juga.” (Responden 2)

“Ya, sesetengah penyelenggaraan yang dilakukan bertahan dengan lama bagi saya, seperti pembaikpulihan siling kawasan rumah dapat terhalang daripada kebocoran air.” (Responden 3)

Namun begitu, hanya seorang responden menjawab tidak terhadap ketahanan penyelenggaraan dalam jangka masa yang lama kerana alasan yang diberikan mengatakan bahawa hanya kemungkinan barangan yang digunakan adalah kurang berkualiti.

“Tidak bertahan dalam jangka masa yang lama mungkin ia menggunakan barang yang kurang berkualiti seperti zink.” (Responden 5).

4.2 Langkah-Langkah Yang Sesuai Dalam Meningkatkan Penyelenggaraan di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia

Dalam bahagian ini, penyelidik membina soalan terbuka kepada responden dan memperoleh komen yang sesuai serta pandangan daripada responden yang terlibat bagi meningkatkan penyelenggaraan di kediaman penjawat awam. Penyelidik menunjukkan hasil daripada pandangan responden terhadap langkah-langkah dalam meningkatkan penyelenggaraan dan cadangan dalam penambahbaikan proses penyelenggaraan.

Penyelidik memperoleh pandangan daripada mereka untuk menghasilkan data yang berikutan dengan kajian yang dilakukan. Antara langkah-langkah dalam meningkatkan penyelenggaraan di kawasan RKAT ialah pemantauan penyelenggaraan yang efektif daripada pihak berkuasa dapat mempercepatkan lagi penyelenggaraan agar tidak merisaukan penghuni daripada berlakunya keadaan persekitaran bangunan yang lebih kritikal.

“Ya betul, pemantauan daripada pihak-pihak pengurusan rumah tentera amat digalakkan untuk keselamatan penghuni dan ia memang perlu dilakukan.” (Responden 2)

“Pemantau sekitar bangunan lama seperti ini perlu diambil lebih perhatian oleh pihak pengurusan untuk kekalkan kestabilan struktur bangunannya walaupun bangunan lama ia boleh digunakan lagi.” (Responden 3)

Langkah-langkah dalam meningkatkan penyelenggaraan di kawasan RKAT yang seterusnya ialah pendawaian pada elektrik atau penyelenggaraan jana kuasa perlu diselenggara dengan secara berkala dan esemua responden bersetuju dengan pernyataan tersebut.

“ Ya pasti sekali, disini kerap berlakunya bekalan elektrik terputus dan bil elektrik yang tidak menentu walaupun kegunaan elektrik kami dihadkan untuk mengelakkan kos yang bertambah untuk membayar bil.” (Responden 3)

Kenyataan bagi langkah-langkah dalam meningkatkan penyelenggaraan di kawasan RKAT yang seterusnya ialah mengecat bangunan jika ia kelihatan tidak lagi ceria dan responden bersetuju kerana bangunan yang ceria dapat memberi suasana bangunan itu tidak hanyut dengan cat yang kian pudar.

“Betul, bangunan yang diselenggara dengan mengecat semula bangunan pada bahagian yang tidak kelihatan catnya dapat memberi pemandangan yang lebih kondusif untuk diduduki tidak kira bangunan tersebut sudah lama.” (Responden 2)

Responden 2,3,4 dan 5 mengatakan bahawa mereka bersetuju dengan langkah-langkah dalam meningkatkan penyelenggaraan di kawasan RKAT yang terakhir yang diperolehi ialah kualiti barangan menjadi salah satu faktor dalam penyelenggaraan yang dilakukan agar ketahanan dapat dikekalkan serta menjimatkan kos peruntukan.

“Semestinya kualiti pada barangan yang digunakan menjadi faktor keutamaan dalam memperbaiki sesuatu kerosakan dan mengelakkan kerosakan itu berulang kali berlaku.” (Responden 4)

“Ya. Saya amat ambil peduli tentang kualiti barang kerana kerosakan yang berlaku lagi dalam masa yang singkat akan membimbangkan kami.” (Responden 5)

Langkah-langkah dalam meningkatkan penyelenggaraan dapat menyumbangkan sedikit sebanyak dalam menghasilkan kerja penyelenggaraan yang lebih berkesan lebih-lebih lagi bangunan yang diguna oleh orang ramai. Pengurusan penyelenggaraan yang cekap seharusnya dititikberatkan bagi mengekalkan prestasi dalam memastikan kebersihan dan keselamatan pada sesuatu fasiliti yang sentiasa dalam keadaan yang baik dari segi dalaman mahupun luaran (Burtah, 2015).

(a) Cadangan Dalam Penambahbaikan Proses Penyelenggaraan di Kawasan RKAT

Akhir sekali, keempat-empat responden berpendapat bahawa cadangan dalam penambahbaikan proses penyelenggaraan di kawasan RKAT yang dilaksanakan berkolaborasi antara pihak pertahanan dan pihak penyelenggaraan dapat memperbaiki dengan berkesan.

Cadangan-cadangan yang diberikan yang berkaitan penambahbaikan proses penyelenggaraan ialah penyelenggaraan terhadap bangunan lama perlulah ditambahbaik dengan membuat pemeriksaan di setiap sekitar bangunan dari semasa ke semasa.

“Bangunan lama amatlah memerlukan proses penyelenggaraan dari semasa ke semasa kerana kita tidak mengetahui komponen dalam pada struktur bangunan masih bertahan lagi atau tidak.” (Responden 4)

Responden-responden menunjukkan respon yang menjadi kebangkitan pada bangunan untuk mengelakkan litar pintas berlaku dimana cadangan dalam penambahbaikan proses penyelenggaraan adalah dengan melakukan penyelenggaraan yang statik pada bahagian elektrik dimana ianya haruslah melakukan penyelenggaraan pada pendawaian elektrik dengan lebih berkesan agar tidak kerap berlakunya elektrik terputus.

“Ya saya amat bimbang dengan bekalan elektrik pada bahagian bangunan kerana banyak perkara diluar jangkaan yang sering berlaku dan berharap proses penyelenggaraan yang sistematik dapat mengekalkan bekalan elektrik sentiasa dalam keadaan yang stabil.” (Responden 3)

Pernyataan terhadap cadangan dalam penambahbaikan proses penyelenggaraan memperoleh jawapan yang ringkas daripada responden bahawasanya pernyataan bagi cadangan dalam penambahbaikan proses penyelenggaraan ialah proses penyelenggaraan perlu dilakukan satu per satu tetapi penyelenggaraan terus dilakukan dan tidak dibiarkan.

“Saya setuju dengan hal itu walaupun bangunan ini lama, penyelenggaraan perlu dilakukan atau berkala dan tidak membiarkan perkara yang memerlukan penyelenggaraan dibiarkan berlarutan.” (Responden 5)

Begitu juga cadangan dalam penambahbaikan proses penyelenggaraan bahawa penyelenggaraan di bangunan kerajaan haruslah dilakukan dengan teliti dan diambil peduli serta melakukannya dengan berjadual. Hal ini kerana, penyelenggaraan bangunan memberikan matlamat utama dalam mengubah kerosakan dan kecacatan terhadap komponen dan alat bangunan secara teratur (Samuni, Kanyo & Mapjabil, 2021). Responden menerima ramah terhadap cadangan tersebut yang dikemukakan oleh penyelidik.

“Ya, saya yakin pihak kerajaan dapat memberi penyelesaian terhadap bangunan kerajaan ini untuk memastikan penyelenggaraan bangunan diselenggara dengan lebih mendalam.” (Responden 3).

5. Kesimpulan

Keseluruhan daripada kajian yang dijalankan akan dirumuskan oleh penyelidik dan dapat memberi cadangan atau pendapat terhadap kajian yang dijalankan untuk memastikan bangunan kerajaan dapat dijaga dengan baik dan kebajikan penghuni Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia di seluruh Malaysia terjaga serta selesa untuk didiami. Penyelenggaraan yang dilakukan tidak harus dipandang remeh kerana sesuatu bangunan yang dibina harus dipelihara agar tidak terbiar.

Hal ini mestilah dilakukan penyelenggaraannya secara berterusan agak bangunan bertahan dengan jangan masa yang lama dan tidak berlakunya tanah terbiar dengan bangunan yang tidak digunakan.

Namun begitu, penyelidik memperoleh cadangan terhadap langkah-langkah yang sesuai dalam meningkatkan penyelenggaraan di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia ialah pihak berkuasa atau pihak pengurusan unit perumahan RKAT haruslah membuat pemantauan yang kerap untuk mengetahui juga mengawasi setiap kerosakan atau kecacatan yang dilihat pada bangunan yang memberi impak kepada penghuni. Pemantauan yang dilakukan juga dapat diuruskan dengan sistematik dan meningkatkan dalam kesegeraan untuk membaikpulih mahupun meningkatkan keupayaan untuk menyalurkan penggunaannya kepada kediaman. Langkah-langkah seterusnya yang sesuai dalam meningkatkan penyelenggaraan di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia ialah sistem pendawaian pada elektrikal haruslah diambil perhatian. Hal ini dapat dikatakan bahawa masalah terhadap elektrikal menjadi sasaran kepada penghuni. Hal seperti ini juga adalah bertujuan untuk mengelakkan litar pintas terhadap bangunan dan menjamin keselamatan kepada pengguna. Di samping itu, langkah-langkah yang sesuai dalam meningkatkan penyelenggaraan di Rumah Keluarga Angkatan Tentera Malaysia ialah pihak kerajaan haruslah mengekalkan kerjasama bersama penjawat awam dalam meningkatkan penyelenggaraan terutama sekali pada bangunan yang telah lama dibina. Hal ini tidak dapat dinafikan bangunan lama sememangnya memerlukan penyelenggaraan yang lebih luas dan bangunan tersebut harus dikekalkan untuk menjaga aset kerajaan agar tidak terbiar menjadi bangunan kosong dan ditinggalkan.

Penghargaan

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan dan semua responden yang terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

Besar, J. A. (2018). Analisis perkembangan pembangunan perumahan awam di Selangor (Analysis of public housing development in Selangor). *Geografia*, 14(1)

<http://journalarticle.ukm.my/12584/1/23660-69403-1-PB.pdf>

Borham, M. S. (2013). *Kuarters Kerajaan di Daerah Kerian Yang Tidak Berpenghuni: Faktor dan Penyelesaian* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

<http://eprints.utm.my/id/eprint/44669/25/MohamadSoffieBorhamMFGHT2013.pdf>

Burtah, M. A. (2015). Faktor-Faktor Membuat Keputusan Untuk Penyumberan Luar Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Institusi Pengajian Tinggi Awam Di Malaysia (Doctoral Dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

<http://eprints.utm.my/id/eprint/53669/25/MuhamadAswadBurtahMFGHT2015.pdf>

Bryman, A. (2012). *Social Research Method Fourth Edition*. New York: Oxford University Press, Inc.

https://www.academia.edu/38228560/Alan_Bryman_Social_Research_Methods_4th_Edition_Oxford_University_Press_2012_pdf

Hanapi, N. S. A. N., & Tungang, N. (2021). Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah: Suatu Tinjauan Menyeluruh. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 228-235.

<https://www.msocsciences.com/index.php/mjssh/article/view/881/631>